

30 JUN 1999

DR MAHATHIR ULAS KEJADIAN HOSPITAL TOLAK MANGSA KEMALANGAN JALAN

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak fikir bahawa seseorang doktor itu menolak pesakit yang datang untuk menerima rawatan di hospital.

Perdana Menteri berkata walaupun perkara itu kadang-kadang berlaku, beliau yakin ianya bukanlah suatu yang disengajakan.

"Saya tidak fikir perkara itu sengaja dibuat oleh doktor-doktor, tetapi jika tidak ada doktor yang layak dan mereka tidak dapat memberi rawatan, mereka akan nasihat supaya (pesakit) dihantar ke hospital specialist (pakar)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Gerak Mesra Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar hari ini tentang seorang mangsa kemalangan langgar lari semalam, Liang Thian How, 18, yang didakwa tidak diberi rawatan oleh Hospital Seberang Jaya dengan alasan tiada doktor pakar.

Pelajar tingkatan lima SMJK Jit Sin, Bukit Mertajam, itu yang mendapat 7A dalam ujian sekolahnya dan merupakan pengawas terbaik sekolahnya dua tahun berturut, dimasukkan ke sebuah hospital swasta empat jam kemudian tetapi meninggal dunia akibat kehilangan darah.

Dr Mahathir juga berkata kebanyakan hospital kerajaan kekurangan tenaga kerja terutama doktor kerana ramai berhijrah ke hospital swasta.

"Kita tidak mengeluarkan ramai doktor khususnya doktor Melayu kerana ramai pelajar Melayu memilih mata pelajaran yang mudah.

"Mereka enggan belajar bidang perubatan kerana ia memakan masa dan keadaan bekerja rumit," katanya.

-- BERNAMA

NZ MAI